

SAYA membeli buku tulisan Imam al-Baihaqi, namun seorang rakan berkata bahawa gurunya menasihatkan agar berhati-hati dengan buku tulisan ulama fikih dan hadis tersebut. Ini kerana tokoh itu dikatakan tidak berapa betul akidahnya. Adakah benar?

JAWAPAN: Imam al-Baihaqi adalah seorang ulama. Beliau menulis beberapa kitab yang menjadi rujukan umat Islam. Antaranya kitab *al-Sunan al-Kubra*. Para ulama menerima Imam al-Baihaqi sebagai ulama rujukan.

Sikap memperlekeh ulama atau menyatakan ulama ini menyeleweng adalah sikap yang tidak baik. Ini kerana, ia menjauhkan umat Islam daripada bimbingan ilmu para ulama. Apabila kita menyuruh agar berhati-hati dengan tulisan Imam al-Baihaqi, maka ia memberi isyarat bahawa beliau mempunyai

Imam Baihaqi menyeleweng?



Soal Jawab Agama

Bersama DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

sesuatu yang tidak betul. Mungkin akidahnya tidak jelas, pemikirannya atau pelbagai kemungkinan lain.

Jika tokoh besar seperti Imam al-Baihaqi dianggap tidak betul, bagaimana pula

dengan guru kita yang ilmunya tidak banyak seperti Imam al-Baihaqi? Sudah tentu guru kita juga mempunyai lebih banyak isu dan masalah. Akhirnya semua ulama dan semua guru perlu ditolak.



Solat pakai baju ada tahi lalat

APA hukum memakai baju yang ada tahi lalat semasa solat. Adakah

sah?

JAWAPAN: Solat sah walaupun baju yang dipakai

dipenuhi dengan tahi lalat. Ini kerana tahi lalat pada baju adalah tidak najis.

Hubungan wanita dengan bapa mentua tiri

APAKAH hubungan antara seorang wanita dengan bapa mentua tirinya?

JAWAPAN: Bapa mentua adalah bapa kandung kepada pasangan. Bagi seorang wanita, bapa kandung bagi suaminya adalah bapa mentua tiri. Bapa mentua adalah mahram muabbad iaitu bermaksud mahram yang kekal.

Adapun bapa mentua tiri adalah bapa tiri kepada suaminya. Hubungan seorang wanita dengan bapa mentua tiri adalah hubungan *mahram muaqiqat* iaitu sementara sahaja.

Selagi mana ikatan perkahwinan masih ada, maka wanita ini adalah mahram kepada bapa mentua tiri. Maksudnya mereka tidak harus berkahwin. Begitu juga soal aurat, tetap perlu dijaga.

Wang deposit rumah

APA hukum mengambil deposit untuk sewa rumah tetapi tidak jadi disewakan rumah. Contohnya, tuan rumah meminta dimasukkan wang deposit jika berminat untuk menyewa rumah, tetapi tuan rumah tidak meneruskan sewa rumah dan wang deposit tidak dipulangkan?

JAWAPAN: Wang deposit adalah bayaran komitmen untuk menyewa sesbuah rumah. Contohnya kadar sewa rumah ialah RM900 sebulan. Dalam proses untuk memilih penyewa, tuan rumah menetapkan kepada bakal penyewa untuk memasukkan wang

deposit RM100.

Ia sebagai komitmen dan kesungguhan bakal penyewa. Apabila penyewa telah dipilih, wang deposit itu dapat dimasukkan ke dalam wang sewaan apabila kontrak sewa dimeterai.

Namun, pengambilan wang deposit tanpa meneruskan proses sewaan rumah adalah haram. Ia adalah satu jenis makan harta secara batil. Adalah wajib dipulangkan wang deposit kepada pendeposit walaupun jumlah wangnya sangat kecil.

Jika terdapat tiga bakal penyewa membayar deposit, hendaklah dipulangkan semula mengikut kadar yang dibuat.

